

Had tempoh dua penggal Perdana Menteri banyakkannya



zuljalil@bh.com.my

Sembang-semang fasal topik menghadkan jawatan Perdana Menteri dua penggal masih diperkatakan. Ini perkara besar. Sama ada direalisasikan atau sebaliknya, terserah kepada keputusan majoriti dua pertiga di Dewan Rakyat.

Waktu ini mana-mana kepimpinan politik pun tidak tahu nasib mereka pada pilihan raya umum (PRU) yang dijadual atas kertas berlangsung pada 2027.

Jika parti ingin menang besar seperti era 1980-an atau pencapaian terhebat PRU era moden 2004 sehingga Barisan Nasional (BN) meraih 198 kerusi Parlimen pun kelihatan mustahil hari ini.

Apa lagi jika hanya sebuah parti secara solo mahu melepasi majoriti mudah 112 kerusi atau

majoriti dua pertiga, 148 daripada 222 kerusi Parlimen - kelihatannya mustahil.

Jadi, apabila ada cadangan diusulkan untuk menghadkan tempoh jawatan nombor satu kerajaan kepada dua penggal setakat 10 tahun, boleh kita anggap itu satu syor tidak berkepentingan peribadi.

Diakui, lagi lama seseorang itu berkhidmat, lagi banyak jasanya. Sementara pandangan ini mengandungi kebenaran, risikonya tetap ada. Lagi lama berada pada satu-satu jawatan, lagi banyak kesilapan dan masalah yang timbul.

Ini sering diperkatakan dalam agensi atau jabatan yang menggerakkan penguatkuasaan. Perlu kerap dilakukan proses pertukaran kalangan pegawakan untuk mengelak 'sakau-menyakau' sebelum dibadai bencana besar mahkamah.

Demikian juga kerajaan terpaksa berdepan daya saing cukup tinggi - yang bila tempoh terlalu lama individu memerintah, barangkali menyebabkan tidak ketara percambahan idea baharu. Apa lagi idea luar kotak sewenang-wenang ditolak. Akhirnya tiada perubahan. Bekerja dalam silo.

Antaranya soal penting mengenal pasti dan meningkatkan pelaburan infrastruktur, meninjau keperluan masyarakat luar bandar, menaik taraf sistem pengangkutan awam serta memperbanyakkan perumahan mampu milik di pinggir bandar.

Itu belum lagi berkisar kemelut menangani kenaikan harga barang dan berdepan tindak tanduk kartel pertanian dan perusahaan bermaharajela serta 'berakar umbi' hingga hari ini. Sampai sekarang belum selesai.

Semua ini jika diuruskan dengan fokus dan pialaian tinggi mencakupi 10 tahun akan lagi menyerlahkan kewibawaan dan integriti siapapun Perdana Menteri.

Tidak dapat dinafi cabaran kehidupan seharian menyebabkan angka kejayaan makro ekonomi kurang bererti buat sebahagian rakyat. Ada terpaksa berhutang untuk sesuap nasi. Ada yang simpanannya tak seberapa, runsing jikalau 'hujan di tengah hari'.

Ada yang risau nasib keluarga dan hari esok

kerana gaji masih rendah atau masih mencari kerja. Ada yang terpaksa jual rumah, tambah hutang. Terpaksa ikat perut untuk melalui kehidupan hari demi hari.

Aral melintang cukup besar untuk sesiapa sahaja yang memimpin, sama ada kerajaan, jabatan, agensi atau apa sahaja diketuainya. Berhadapan sebahagian pihak, ada ketika ibarat kisah enam orang buta dengan gajah. Mereka memberi deskripsi mengenai rupa bentuk seekor gajah.

Ada yang memegang ekor, dikatakannya tali. Ada memegang kaki, dikatakannya tiang. Ada telinga disentuh, dipanggilnya pula kipas. Yang memegang badan, disamakan pula dengan dinding. Belalai, disamakan dengan ular. Dan yang memegang gading, disamakan dengan tombak.

Setiap daripada orang buta itu tidak salah. Mereka juga tidaklah betul.

Demikianlah untuk meraih kepercayaan dan mempengaruhi minda sebahagian rakyat yang realitinya tidak sukar. Hal ini kerana 'orang kita' masih gemar mempercayai dan menyukai gosip, persepsi dan kontroversi.

Maka dengan itu mudah diperkotak-katikkan dengan menyertakan klip video yang 'sekerat belut, sekerat ular' untuk mendapatkan sokongan. Jika pergi ke negatif, pastinya untuk memperdaya minda masyarakat.

Jerangkap persepsi

'Jerangkap samar' persepsi ini harus bijak dilepasi. Persepsi tidak semestinya benar tetapi tidak juga semestinya salah, tetapi apa yang dipercayai rakyat. Tepat sekali nukilan penulis Stan Moore: 'Hanya kerana kebenaran tidak kelihatan, tidak bermakna hal itu palsu. Hanya kerana kenyataan tidak di-

rasai, tidak bermakna perkara itu tidak wujud'.

Akan tetapi apa yang rakyat melihat dan mendengar itulah dicakapkan. Itu maknanya prestasi yang jika ditanggung pun oleh perdana menteri dua penggal, keperitan kepada diri dan gabungan partinya tidak begitu besar.

Politik yang bijak dan berkesan hari ini adalah politik berbisa. Dengan menghadkan dua penggal tempoh perdana menteri berkhidmat, diyakini penyandangannya lagi berbisa dan fokus.

Malah anggota jemaah menteri akan kerap pasang telinga untuk lebih serius memahami kehendak dan menyelesaikan masalah rakyat terkini kerana tertakluk 'tempoh 10 tahun' itu.

Juga, menteri yang tidak *deliver* akan tahu cara memperbaiki diri. Kalau merasakan diri tidak mampu, maklum kepada perdana menteri untuk ke pintu keluar.

Politik Malaysia hari ini cukup dinamik. Soal menghadkan tempoh dua penggal perdana menteri tetap tertakluk kepada keputusan PRU.

Jika penyandangannya berupaya membawa mana-mana gabungan politik untuk terus mengekalkan penguasaan undi rakyat, 'sebelah kaki' sudah melangkah ke Putrajaya.

Hanya selepas memperoleh mandat kepemimpinan parti gabungan, seterusnya perkenan diraja, laluan terbuka luas untuk seterusnya berkhidmat di penggal kedua.

Rasuah

Sekalipun jika ada andaian dua penggal berisiko berleluasanya penyalahgunaan kuasa dan rasuah 'demi mengejar tempoh 10 tahun', cakap-cakap itu pasti akan dibersikan oleh penguatkuasaan ketat agensi antirasuah.

Malah ramai orang politik sudah belajar daripada keperitan 'bertunggu tangga' di mahkamah. Lebih penting lagi yang memasang mata dan telinga tentunya rakyat yang semakin celik dengan perilaku salah guna kuasa dan penyelewengan ini.

Malaysia amat perlukan kestabilan, yang dalam konteks negara ini bertunjangan keharmonian politiknya. Perang politik Melayu masih panjang dan akan berterusan sampai bila-bila.

Takdir tidak pernah salah. Kitalah yang melakar apa yang di hadapan. Kitalah wakil rakyat atau parti politik yang membuka atau menutup gerbang perjalanan ke depan atau ke belakang.

Dan jika had tempoh dua penggal perdana menteri itulah jawapan kepada pengukuhan *rule of law*, kestabilan dan keharmonian ini, ayuh segera realisasikannya. Perbetulkan yang biasa, biasakan yang betul. Alah bisa tegal biasa.

"Jika had dua penggal perdana menteri itu jawapan kepada pengukuhan *rule of law*, kestabilan dan keharmonian ini, ayuh segera realisasikannya"

